

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2014
DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif / Rasional	Keterangan Ringkas
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi		
JABATAN TANAH					
1 Penyediaan Perancangan Strategik (PS) Jabatan Tanah				<ul style="list-style-type: none"> ● Menyediakan peta hala tuju jabatan bagi tempoh 5 tahun selaras dengan tema Startegik Kementerian Pembangunan ● Mengukuhkan visi, misi dan objektif Jabatan ● Perancangan Strategik disediakan sebagai satu perancangan dalam menghadapi cabaran selaras dengan perubahan isu semasa 	<ul style="list-style-type: none"> ● PS 2011 akan membawa agenda oerubahan bagi Jabatan Tanah dan dikaji pada setiap 5 tahun untuk menyesuaikan perubahan semasa. ● PS 2011 menggunakan pendekatan-pendekatan yang telah direncanakan seperti berikut : <ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkenalkan penstrukturan semula organisasi. 2. Pengemaskinian skop kerja, perubahan polisi dan dasar memberikan khidmat kepada orang ramai dalam meningkatkan pengurusan hartanah dalam menghasilkan mutu kerja yang cemerlang. ● PS 2011 mengariskan penelitian kepada perkara-perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> > Meneliti dasar penyimpanan tanah. > Penstrukturan semula Jabatan > Permohonan secara online. > Penggeraan Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) > Memendekkan masa proses permohonan tanah (streamlining process). > Pindaan Kanun Tanah (Penggala 40) Re:Kavear. > Land Code (Amendment) Order 2012 - Akta Surat Kuasa [Power Of Attorney] dan Surat Ikatan Amanah [Trust Deed].

2	Penyusunan Semula Struktur Organisasi Jabatan Tanah		✓	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengukuhkan visi, misi dan objektif Jabatan. ● Perluasan Fungsi dan skop tanggungjawab Jabatan. ● Pertambahan program / aktiviti Jabatan. ● Pertambahan beban / kompleksiti tugas dan; ● Perundangan dan peraturan sedia ada atau baru yang mempunyai implikasi terhadap keperluan Jabatan ● Memastikan tinggakan hasil berkurangan. ● Meningkatkan pendapatan Kerajaan (hasil). 	<p>1. Jabatan Tanah mempunyai dua belas (12) bahagian utama. Setiap Bahagian di ketuai oleh Pegawai Tanah Kanan bagi menyelaraskan sumber tenaga manusia bagi mengimbangi keperluan-keperluan perkhidmatan. Ini berteraskan tekad pemeduliaan orang ramai yang kian hari semakin bertambahnya jumlah bebanan kerja dan perjenisan permintaan yang kian sophisticated terutama dalam bidang perkembangan hartanah. Dengan itu, penelitian keperluan-keperluan semula ke atas standard kepakaran, pertambahan roles and responsibilities serta keperluan-keperluan lain yang berkaitan.</p> <p>2. Penubuhan Jawatankuasa Kumpulan Bertindak Tunggakan Hasil.</p> <p>3. Pengubahsuaian Kaunter Perkhidmatan di semua Bahagian dn Pejabat Tanah Daerah bagi memenuhi standard pemberian perkhidmatan kaunter.</p> <p>4. Pemasangan Sistem Beratur menunggu giliran yang lebih bersistematik di Bahagian Pendaftaran.</p>
3	Streamlining Proses Permohonan Tanah		✓	<ul style="list-style-type: none"> ● Mendirikan sistem pentadbiran tanah yang dinamik, terpelihara dan mesra pelanggan dengan menggunakan teknologi perisian yang mantap untuk disejajarkan dengan objektif Jabatan dan Kerajaan. ● Memastikan proses pengurusan tanah dan pemahaman yang mudah sejajar dengan keperluan semasa. ● Membolehkan orang ramai memiliki akses secara online bagi menjawab pertanyaan tanpa melibatkan kakitangan berkaitan. ● Menjumatkan masa dalam memproses permohonan ● Tindak balas sekata bagi permohonan yang lazim 	<ul style="list-style-type: none"> ● Jabatan Tanah telah beberapa kali membuat peindaan kepada TPOR di mana beberapa proses dan prosedur permohonan tanah telah di kurangkan seperti permohonan berikut: <ul style="list-style-type: none"> 1. Permohonan pindahmilik tanah bermula daripada ianya diterima sehingga permohonan mendapat keputusan. ● Sokongan pindah milik juga dibuat secara online melalui sistem e-tanah yang mana pihak Kementerian Pembangunan juga mempunyai akses bagi proses selanjutnya. 2. Permohonan tukar syarat kepada perumahan am bagi keluasan kurang daripada 1.0 ekar. 3. Pertimbangan Permohonan Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) dilaksanakan di Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Menimbang Permohonan LTS di Kementerian Pembangunan dan dipengerusikan oleh YM Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan [Pentadbiran dan Kewangan]
4	Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Jabatan Tanah		✓	<p>Meningkatakan kecekapan, keupayaan, kepuyaan kemahiran dan kelayakan warga Jabatan Tanah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Memperbaiki dan mempertingkatkan mutu kerja serta mempertingkatkan produktiviti atau daya pengeluaran kerja. ● Mempertingkatkan kemahiran dalam penilaian hartatanah mengikut Best Practice di luar negara.

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA					
5	Mengekalkan pengiktirafan ISO 9001:2008 Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perancang Bandar dan Desa	✓		Bagi memberikan perkhidmatan yang lebih teratur dan efisien kepada pelanggan dalaman dan luaran.	Pengiktirafan ISO 9001:2008 ini telah diperolehi pada 14 Julai 2009.
6	Penyediaan Skim Perkhidmatan Professional dan Teknikal		✓	Penyelarasan dengan skim-skim teknikal dari lain-lain Kementerian/ Jabatan Kerajaan	Skim Perkhidmatan bagi Juru Rancang Bandar di hasrat akan menaiktaraf pengiktirafan profession Juru Rancang Bandar sebanding dengan Profession teknikal yang lain di NBD dan setanding Juru Rancang Bandar Luar Negara dalam penglibatan kepada pembangunan Negara.
7	Perancangan Sumber Tenaaga Manusia bagi LDP bagi tempoh 5 tahun	✓		Bagi penghantaran pegawai dan kakitangan yang berpotensi untuk meningkatkan kelulusan yang mana mereka ini adalah sebagai pelapis generasi lama.	Setiap tahun jabatan telah berusaha untk menghantar sekurang-kurangnya seorang pegawai dan kakitangan meningkatkan kemahiran dan kelulusan melalui LDP berdasarkan perancangan strategik dan rancangan penggantian jabatan. Perancangan yang dibuat tahun 2013 - 2019.
8	Pengerusi Pihak Berkuasa Yang Layak Kawalan Pemecahan Tanah	✓		Bagi memantapkan proses pemecahan dan penyatuan tanah seluruh negara dengan berpandukan perancangan gunatanah yang selaras dengan kemajuan tanah.	Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa mengambilalih selaku Pengerusi Pihak Berkuasa Yang Layak Kawalan Pemecahan Tanah selaras dengan Akta Perancang Bandar dan Desa 1872 (1984).
9	Menyediakan Perancangan Strategik dan Key Performance Indicators (KPI) Jabatan Perancang Bandar dan Desa.	✓		<ul style="list-style-type: none"> ● Menyediakan peta jalan (road map) jabatan untuk tempoh 5 tahun akan datang dengan menggariskan objektif jabatan berdasarkan empat perspektif iaitu Pelanggan/Pemegang Teras, Kewangan, Proses Dalaman dan Pembelajaran dan Pertumbuhan selaras dengan peta jalan Kementerian Pembangunan. ● Peta jalan ini menjadi panduan dan sandaran terhadap hala tuju jabatan ke arah mencapai matlamat strategik dan wawasan jabatan. Objektif-objektif berkenaan menumpukan kepada kepentingan mendapatkan sokongan dan pengiktirafan terhadap perancangan bandar dari para pelanggan dan pemegang teras bagi memastikan matlamat perancangan dan kawalan kemajuan iaitu untuk mencapai pembangunan mampan atau berdayatahan bagi kepentingan Negara dan dunia sejagat dapat dicapai. ● Seterusnya ke arah mencapai matlamat tersebut, objektif juga terarah kepada memperkasa keupayaan sumber manusia dan penggunaan teknologi, memperkukuhkan dan memantapkan undang-undang, peraturan, garis panduan, proses kerja dan keberkesanan dalam mengurus dan mentadbir peruntukan kewangan. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelan Strategik jabatan di antara lain menggariskan wawasan, misi, nilai-nilai utama, matlamat strategik dan peluang-peluang dan cabaran-cabaran masa depan. ● Dengan matlamat strategik dan wawasan yang jelas, sasaran untuk dicapai digariskan melalui KPI yang berkisar terhadap dua bidang tugas utama atau core business jabatan iaitu fungsi perancangan dan fungsi kawalan kemajuan. Sasaran dan tempoh masa rancangan kerja utama dalam hal perancangan dan kawalan kemajuan dinyatakan melalui KPI yang akan menjadi sukat-sukat pencapaian jabatan.

10	<p>Peraksanaan projek khas kajiselidik ruang lantai perniagaan dan insdustri di Negawa Brunei Darussalam</p>	✓	<p>Untuk mendapatkan maklumat dan statistik komprehensif terhadap tanah-tanah yang telah dimajukan dengan bangunan yang berbentuk perniagaan dan industri dengan mengwujudkan data (data base) sebagai rujukan dan asas bagi menilai semula dasar berkenaan yang sedia ada dan seterusnya mencadangkan usulan-usulan di mana yang berkenaan untuk pembaikan.</p>	<p>Bangunan-bangunan dan aktiviti berbentuk perniagaan dan industri di Negara Brunei Darussalam sudah semakin banyak dengan taburan yang melata. Projek ini nanti dijangkakan akan dapat mengumpulkan jumlah ruang lantai perniagaan dan indsturi sedia ada di Negara Brunei Darussalam (NBD). Dari jumlah tersebut jabatan akan dapat menetapkan secara berasas sama ada ruang lantai perniagaan dan industri di NBD telah mencukupi atau sebaliknya. Selain itu taburan tanah-tanah yang mempunyai perniagaan dan industri akan dapat dikemaskinikan di mana implikasi dan keperluan untuk memperbaikinya (to rationalise) akan masing-masing dinilai dan dibincangkan. Dengan itu dasar-dasar yang berkaitan seperti pemberian tukar syarat khas untuk kepada elemen perniagaan dan perusahaan akan dapat dinilai semula.</p>
11	<p>Menyediakan 3 garis panduan dan piawai perancangan baru iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Garispanduan dan piawai perancangan keperluan untuk orang berkeperluan khas dan warga emas. 2. Garispanduan dan piawai perancangan bagi kemajuan monoploe. 3. Garispanduan dan piawai perancangan bagi kemajuan banunan sekolah. 	✓	<p>Penyediaan garis panduan disediakan secara berterusan oleh jabatan. Bagi garis panduan ini objektif utama adalah untuk menyediakan peraturan perancangan yang lengkap sebagai panduan dan rujukan yang telus oleh pihak berkepentingan seperti Orang Yang Layak atau Qualified Persons (QP), jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan dan pemilik tanah.</p>	<p>Garis panduan ini memberikan keterangan terhadap peraturan perancangan dan penyediaan keperluan yang perlu dipatuhi semasa mencadangkan permohonan kemajuan. Ianya juga dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada pemilik tanah/bangunan yang ingin menyediakan keperluan yang dimaksudkan didalam atau kawasan bangunan.</p>
12	<p>Mengkaji semula Town and Country Planjning (TCP) ACT 1972 (chapter 143) yang digelar sebagai TCP Order 2014.</p>	✓	<p>Kajian semula Akta tersebut adalah bertujuan untuk memperkukuh dan memantapkan undang-undang sedia ada supaya fungsi perancangan dan kawalan kemajuan jabatan akan dapat diliputi dengan lebih menyeluruh dengan menambah peruntukkan-peruntukkan baru dan meminda peruntukan sedia ada di mana yang berkenaan mengikut keperluan semasa dan akan datang.</p>	<p>Akta sedia ada hanya mempunyai 10 peruntukan yang lebih menumpukan yang lebih menumpukan kepada aspek Kawalan Kemajuan sahaja di mana fungsi perancangan amat terhad dan tidak menyeluruh bagi membolehkan jabatan memainkan peranan dan melaksanakan fungsi perancangan secara berkesan ke arah mencapai persekitaran yang kondusif dan pembangunan mampan. Rang undang-undang baru mempunyai lebih dari 60 peruntukkan di mana fungsi perancangan telah diperkukuhkan, di antara lain dengan memasukkan keperluan menyediakan Pelan Kemajuan, Tatacara penyediaan, meminda dan memberikan kebenarannya.</p>
13	<p>Menyediakan rang undang-undang Town Planners Registration Order (2014) atau Perintah Pendaftar Perancang Bandar dan Deesa (versi Bahasa Melayu)</p>	✓	<p>● Profession Perancangan Bandar (Town Planners) pada masa ini tidak dikawal selia sama ada secara pentadbiran atau undang-undang oleh mana-mana Lembaga atau Badan.</p> <p>● Dengan itu tidak ada saluran rasmi bagi seseorang diri bagi melaksanakan perkhidmatan perancangan bandar khususnya, tidak ada perakuan (recognition) secara rasmi terhadap perkhidmatan perancangan bandar yang boleh dilaksanakan oleh seseorang Perancang Bandar, tidak ada peraturan berkenaan dengan disiplin/tingkah laku (conduct) profession Perancang Bandar. Akta baru yang digubal ini pada amnya akan dapat mengwujudkan, mempertahankan, membangunkan dan meningkatkan martabat, etika dan standards profession Perang Bandar.</p>	<p>● Tujuan utama mengubal Perintah Pendaftar Perancang Bandar adalah untuk mengawal selia pendaftaran Profession Perancang Bandar (Town Planners) secara undang-undang. Perkara tersebut akan dilaksanakan melalui penubuhan Lembaga Perancang Bandar. Lembaga tersebut di antara lain akan bertanggungjawab terhadap;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pendaftaran para Perancang Bandar mengikut syarat-syarat tertentu yang digariskan; 2. Mengawal selia hal-hal yang berkaitan dengan disiplin dan tingkah laku perancang bandar yang berdaftar; 3. Membuat saranan terhadap skala yuran (scale of fees) yang boleh dikenakan oleh seseorang Perancang Bandar bagi nasihat professional atau perkhidmatan perancangan bandar. Peraturan ini juga menggariskan hak atau entitlement terhadap jenis-jenis perkhidmatan perancangan bandar (planning services) yang boleh dilaksanakan oleh seseorang Perancang Bandar yang berdaftar.

14	Penyediaan Pelan Kemajuan: Kesiapan Skim Perancangan: 1. Rasau Planning Scheme. 2. Sg. Teraban Planning Scheme. 3. Tungku Beach Concept Plan. 4. Sibonghutan Land Readjustment Planning Scheme.	✓		Untuk memastikan kemajuan di kawasan yang di rancang teratur Untuk menentukan kemajuan dan guna tanah di kawasan yang dikenalpasti. Untuk di jadikan sebagai garis panduan bagi kemajuan di daerah berkenaan.	Skim yang disediakan mengandungi zon-zon perancangan yang telah dikenalpasti. Untuk mengenalpsti stok tanah yang boleh dumajukan dan yang perlu disimpan serta dipelihara untuk keperluan masa akan datang.
15	Serata Awam: Jerayawara Bagi: 1. Pelan Daerah Temburong pada 27 September. 2. Pelan Daerah Brunei Muara pada 19 Oktober 2014	✓		<ul style="list-style-type: none"> ☉ Untuk memberigakan perancangan kemajuan dan guna tanah di Daerah Temburong dan Daerah Brunei Muara. ☉ Untuk Berkongsi sama penemuan-penemuan serta kajian yang dibuat semasa penyediaan pelan berkenaan. ☉ Untuk meminta maklum balas dari pemegang teras atau <i>Stakeholders</i> mengenai dengan status cadangan dan memikirkan halatuju seterusnya bagi melaksanakan cadangan berkenaan. 	<p>Jerayawara Pelan Daerah Temburong: Jerayawara ini diadakan bersama agensi kerajaan yang lain terutama Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan yang mempunyai projek di Daerah Temburong.</p> <p>Ianya dihadiri oleh penduduk kamponh Daerah Temburong melalui majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Majlis Perundingan Mukim (MPM).</p> <p>Tujuan jerayawaran Pelan Daerah Temburong adalah untuk mengetahui perkembangan semasa dan dapat memantau projek-projek yang belum lagi dilaksanakan.</p> <p>Dialog bersama Penghulu dan Ketua kampung dapat memberikan peluang untuk mengethau status permasalahan yang di hadapi oleh penduduk Daerah Temburong dalam pelaksanaan projek yang dirancang.</p> <p>Jerayawara Deraf Pelan Daerah Brunei Muara:</p> <p>Taklimat deraf pelan ini diadakan sebanyak dua sesi iaitu bersama Penghulu dan Ketua Kampong Daerah Brunei Muara dan bersama agensi kerajaan yang berkemungkinan.</p> <p>Tujuan Taklimat Pelan Daerah Brunei Muara (masih dalam penyediaan) adalah untuk memaklumkan projek-projek yang dirancangan dan pada masa yang sama mendapatkan maklumbalas dari penduduk Daerah Brunei Muara terhadap cadangan-cadangan kemajuan yang di rancang.</p>
16	Mengkaji semula proses dan prosedur permohonan Kebenaran Perancangan	✓		JPBD adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan Kebenaran Perancangan selaras dengan polisi dan peraturan perancangan Bandar. Objektif utama adalah untuk memastikan setiap kemajuan tanah dan bangunan dapat mematuhi keperluan parameter perancangan (planning parameters) sebelum sebarang bangunan dibenarkan bagi memastikan: <ol style="list-style-type: none"> 1. Kesan dan impak sesuatu kemajuan tidak menjejaskan persekitaran; 2. <i>Carrying capacity</i> bagi sistem peparitan, pembentukan, jalan raya dan kemudahan lain masih dapat menampung kesan dari cadangan kemajuan akan dilaksanakan; <p>Kemajuan yang dirancang tidak akan menjejaskan kesejahteraan dan keselamatan penduduk setempat dan alam sekitar.</p>	Melalui kajian ini, telah memperkenalkan proses dan prosedur baru seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. Peringkat konsultasi (Peringkat Borang A) bagi menetapkan samaada permohonan perlu di rujuk ke Jabatan-jabatan Teknikal sebelum permohonan rasmi (Peringkat Borang B) di hadapkan; 2. Permohonan peringkat Pengesahan Perancangan di mana permohonan tidak perlu mengikut proses keseluruhan kebenaran perancangan terutama bagi kemajuan yang berskala kecil.

17	Persedur Kebenaran Perancangan Ringkas		✓	<p>Prosedur ini diperkenalkan setelah kajian semula yang dilaksanakan dari masalah para 1 diatas dan sebagai tindak balas pihak jabatan dalam menangani masalah atau aduan orang ramai berhubung dengan kelambatan Jabatan dalam memproses permohonan kemajuan tanah dan bangunan di peringkat untuk mendapatkan kebenaran perancangan di JPBD. Objektif utama adalah untuk memastikan Jabatan dapat mengeluarkan Surat Pengesahan Perancangan dengan cepat.</p>	<p>Jabatan melalui Bahagian Kemajuan Daerah telah mengenalpasti bahawa tidak semua permohonan kemajuan perlu melalui proses dua peringkat seperti diatas (Peringkat Boran A dan Borang B). Tertakluk kepada kategori permohonan kemajuan, maka sebahagian permohonan kemajuan telah dikenalpasti boleh terus dihadapkan Boran B tanpa melalui proses Borang A. Prosedur ini dipanggil sebagai prosedur "Kebenaran Perancangan Ringkas" (KPR).</p>
18	Menyediakan Sistem SMB'A (Electronic-Sistem Borang A)		✓	<p>1. Untuk memperbaiki perkhidmatan jabatan kepada orang ramai khususnya QP dan pemilik tanah, dimana jabatan dapat memberikan status terkini mengenai permohonan kemajuan tanah dan bangunan (Borang A) yang mereka hadapkan ke Jabatan.</p> <p>2. Dapat memberikan maklumat secara tepat, benar, cepat dan telus kepada pemohon mengenai status permohonan kemajuan yang telah dihadapkan ke JPBD.</p>	<p>lanya merupakan sistem yang direkaippta sepenuhnya secara in-house oleh Bahagian Maklumat Perancangan untuk menyalurkan maklumat terkini mengenai status permohonan kemajuan tanah dan bangunan yang diproses oleh JPBD iaitu menggunakan Sistem SMB'A secara online (versi2.0) dan penghantaran SMS kepada pemohon (QP & Pemilik Tanah) Sistem ini telah mula digunapakai pada tahun 2014.</p> <p>Sistem ini telah di ubah kepada sistem e-DAS kepada sistem SMB'A memandangkan proses permohonan yang ada JPBD sebahagian diambil alih ke ABCI.</p>
19	Menaiktaraf sistem-sistem yang sedia ada ke <i>web-based application</i> .		✓	<p><i>web-based</i> application adalah merupakan satu kaedah penyampaian maklumat yang mudah digunakan melalui rangkaian internet dan interanet.</p>	<p>Sistem-sistem yang telah dikenalpasti yang akan menggunakan <i>web-based application</i> . Ini adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Modul-modul dari DAMS (Development Application Monitoring System); ● Sistem Inventori; ● RPM (Research Project Monitoring System); dan ● SAMS (Site Application Monitoring System).